


KUCING WAJIB DISAYANGI, BUKAN DISAKITI

Oleh: Nuraina Atirah binti Zainol Nasarudin, 1171288,
Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 18 Ogos 2020



Haiwan peliharaan yang diberi nama Chiko.



Sumber - Internet

Secara amnya, Islam sangat mementingkan berbuat baik sesama makhluk sama ada manusia, haiwan atau tumbuhan.

Berbuat baik kepada binatang seperti kucing adalah wajib dan haram jika menzalimi haiwan tersebut.

Perkara ini ditegaskan dalam hadis yang diriwayatkan oleh Syaddad bin Aus r.a., beliau berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ كَتَبَ الْإِحْسَانَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ

Maksudnya: Sesungguhnya Allah telah mewajibkan berbuat ihsan kepada setiap sesuatu.

Riwayat Muslim (1955)

Dari sudut psikologi, seorang Pegawai Purnatugas Universitas Gajayana, Risa Juliadilla, S. Candra Hastuti H membuat penelitian perbandingan manusia yang memiliki haiwan peliharaan dengan manusia yang tidak memiliki haiwan peliharaan dalam artikelnya yang bertajuk *Peran Pet (Hewan Peliharaan) pada Tingkat Stres Pegawai Purnatugas*.

Hasil penelitian tersebut membuktikan bahawa golongan yang mempunyai haiwan lebih rendah kadar tekanannya berbanding golongan yang tidak mempunyai haiwan peliharaan.

Ini membuktikan bahawa perbuatan menjadikan haiwan ini sebagai haiwan peliharaan tidak salah malah sangat dituntut kepada manusia kerana kucing memiliki sifat yang sangat memahami

perasaan manusia. Haiwan ini juga dapat menghilangkan tekanan yang dialami oleh manusia dengan belaian manjanya itu.

Selebriti Instagram, Hafiz Mahamad berkata, beliau pernah terlepas pandang anaknya bermain di tepi tangga namun apa yang mengejutkan adalah kucing peliharaan beliau yang diberi nama 'Jimmy' menjaga anaknya di bawah tangga. Ini membuktikan bahawa haiwan ini sangat memahami perasaan manusia terutama penjaga mereka.

Demikian juga perbuatan menzalimi kucing boleh membawa seseorang itu ke dalam neraka. Ini merujuk kepada riwayat daripada Abdullah bin 'Umar R.Anhuma beliau berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda :

عُذِّبَتْ امْرَأَةٌ فِي هِرَّةٍ حَبَسْتَهَا، حَتَّى مَاتَتْ جُوعًا، فَدَخَلَتْ فِيهَا النَّارَ

Maksudnya: Seorang perempuan diazab disebabkan seekor kucing yang dia kurung sehingga ia mati kelaparan. Maka wanita tersebut masuk ke dalam neraka disebabkan perbuatannya itu.

Perbuatan zalimnya terhadap kucing itu disebutkan dalam sambungan hadis di atas iaitu dikatakan kepadanya :

لَا أَنْتِ أَطْعَمْتِهَا وَلَا سَقَيْتِهَا حِينَ حَبَسْتِهَا، وَلَا أَنْتِ أَرْسَلْتِهَا فَأَكَلَتْ مِنْ خَشَاشِ

الْأَرْضِ

Maksudnya : Kamu tidak memberi makan dan minum kepadanya ketika kamu mengurungnya.
Dan kamu juga tidak melepaskannya sehingga ia boleh memakan serangga yang berada di tanah.

Riwayat Al-Bukhari (2365)

Menurut Mufti Perlis, Datuk Dr Mohd Asri Zainul Abidin, jika tidak mahu memelihara haiwan ini jangan menyeksa dan menyakitinya.

Baru-baru ini, satu rakaman video yang tersebar dalam Facebook dan Instagram menunjukkan beberapa individu mendera seekor anak kucing sehingga mati.

Kejadian itu menyentuh perhatian rakyat Malaysia sehingga ramai yang tidak sanggup mendengar tangisan anak kucing tersebut.

Kejamnya manusia yang berbuat sedemikian kepada haiwan yang tidak tahu apa-apa yang hanya menagih simpati meminta sedikit makanan untuk dijamah.

Kucing adalah haiwan yang suci dan bersih, jika tidak suka kepadanya tidak perlulah sakitinya sedemikian rupa. Boleh sahaja jauhkan diri daripadanya tanpa melepaskan tekanan kepadanya.

Sehubungan itu, usahlah menganiayai haiwan termasuk kucing kerana perbuatan yang tidak berperikemanusiaan tersebut boleh menyebabkan kita dihumban ke dalam api neraka.